

24 AUG 1999

Berjalan

LEBIH SEJUTA ORANG DIJANGKA SERTAI "BERJALAN UNTUK NEGARA"

KUALA LUMPUR, 24 Ogos (Bernama) -- Lebih sejuta orang dari pelbagai lapisan masyarakat di seluruh negara akan menyertai program "Berjalan Untuk Negara", aktiviti jalan kaki raksasa sebagai kempen sokongan rakyat untuk Sukan Asia 2006.

Program yang akan berlangsung pada 6 Nov itu akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi peringkat kebangsaan.

Program yang dianjurkan oleh Kementerian Belia dan Sukan, kementerian dan agensi berkaitan serta pertubuhan bukan kerajaan dan pihak swasta itu bukan berbentuk pertandingan.

Menurut jurucakap penganjur, aktiviti berkenaan akan berlangsung secara serentak di semua bandar utama dan pekan kecil seluruh negara dengan penyertaan terbuka kepada semua kumpulan masyarakat dari berbilang bangsa.

Bagi peringkat kebangsaan, aktiviti itu akan diadakan di Taman Tasik Titiwangsa, meliputi laluan sejauh 3km, katanya.

Program yang merupakan acara simbolik melibatkan rakyat bersama-sama memberi sokongan kepada kempen penganjuran Sukan Asia 2006 itu juga bertujuan mewujudkan semangat patriotik untuk kejayaan Malaysia melalui pengorbanan bersama serta menggalakkan aktiviti kecergasan di kalangan orang ramai.

Ia juga bagi mewujudkan semangat berganding bahu bagi mencapai matlamat "Malaysia Boleh" ke arah Sukan Asia 2006, kata jurucakap itu.

Sukan Asia tahun 2006 menjadi matlamat Malaysia setelah berjaya menganjurkan Sukan Komanwel '98.

Peserta digalakkan membawa anggota keluarga masing-masing sebagai menunjukkan tanda sokongan. Orang kurang upaya juga digalakkan menyertainya.

Promosi juga dilakukan melalui jualan barangan seperti kemeja-T, rantai kunci dan cenderamata lain, kata beliau.

-- BERNAMA

NHD NMO